


H Tuliskan **Betul** atau **Salah** bagi pernyataan di bawah. TP5

1. Sultan sentiasa memantau keamanan di kawasan perairan Melaka. _____
2. Bendahara menjadi pemangku sultan semasa ketiadaan sultan dalam negeri. _____
3. Laksamana berperanan memastikan keselamatan kapal-kapal dagang. _____
4. Agama Islam dan istiadat Melayu di bawah kuasa sultan. _____
5. Peranan penasihat sultan dipertanggungjawabkan kepada bendahara. _____
6. Laksamana mengetuai senarai pembesar di istana. _____

I Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menghargai keistimewaan yang dimiliki oleh tokoh-tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka? TP5



J Dr. Hazim merupakan seorang sejarawan yang mengkaji tokoh-tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka. Beliau membuat rumusan bahawa setiap warga Malaysia perlu memiliki nilai murni seperti yang dimiliki oleh tokoh-tokoh tersebut. Mengapakah nilai murni perlu dicontohi oleh setiap warga Malaysia? TP6

1. _____
2. _____




Mengapakah kita perlu menghargai sumbangan setiap tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka? **TP6**

Sudut Uji Diri



Lengkapkan silang kata di bawah.



Melintang

1. Pemerintah tertinggi dalam pentadbiran negeri.
3. Sultan menjadi ketua _____ Islam dan adat Melayu.
5. Menjadi pemangku sultan.

Menegak

2. Bendahara menjadi ketua pembesar dalam pentadbiran _____.
4. Nama negeri.
6. Satu peranan Laksamana.

B Senaraikan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang tokoh terbilang.

Ciri-ciri Tokoh Terbilang

1.

2.

3.

4.

5.

C Lengkapkan petikan di bawah dengan jawapan yang sesuai.

- | | | | |
|-------------|-------------|-----------|------------|
| diormati | pentadbiran | terkenal | melantik |
| perdagangan | perpaduan | pedagang | masyarakat |
| | diplomatik | kedudukan | |

1 _____ sultan adalah tertinggi dalam struktur 2 _____ Melaka. Baginda menjadi alat 3 _____ bagi seluruh masyarakat Kesultanan Melayu Melaka. Kuasa baginda ialah 4 _____ pembesar bagi membantu baginda dalam 5 _____ kerajaan. Selain itu, urusan 6 _____ berada dalam tangan baginda. Para 7 _____ asing perlu mengunjungi sultan sebelum menjalankan perniagaan mereka. Kesannya, Melaka berjaya menjadi sebuah pusat 8 _____ yang 9 _____ di nusantara. Malah, kerajaan ini amat 10 _____ oleh seluruh kerajaan Alam Melayu.

D Jawab semua soalan di bawah.

1. Siapakah yang mewakili golongan pemerintah dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?

- A Petani
- B Nelayan
- C Pedagang
- D Syahbandar

2. Apakah lambang ketinggian kedudukan dan kekayaan bagi seseorang individu?

- A Jumlah hamba yang dimiliki
- B Jumlah harta yang dimiliki
- C Jumlah wang yang dimiliki
- D Kuasa yang dimiliki

2021/09/22 15:01

3. Pada pendapat anda, mengapakah sultan melantik pembesar dalam pentadbirannya?

- A Mengelakkan bebanan kepada sultan
- B Mengelakkan pemusatan kuasa oleh sultan
- C Membantu sultan dalam pentadbiran
- D Sebagai lambang kekuasaan baginda dalam kerajaan

4. Antara berikut, yang manakah mewakili sifat seorang tokoh yang terbilang?

- I Keperkasaan
- II Dihormati
- III Disanjung
- IV Ditakuti
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Antara berikut, tokoh yang manakah berjaya menjadikan Melaka sebagai pusat perdagangan?

- A Parameswara
- B Sultan Mansur Shah
- C Bendahara Tun Perak
- D Laksamana Hang Tuah

6. Melaka pernah menjadi sebuah empayar yang luas dan tersohor di rantau Melayu. Tokoh yang manakah memberikan sumbangan tersebut?

- A Parameswara
- B Sultan Mansur Shah
- C Sultan Muzaffar Shah
- D Sultan Alauddin Riayat Shah

7. Siapakah yang mengetuai pentadbiran kerajaan dalam Kesultanan Melayu Melaka?

- A Temenggung
- B Laksamana
- C Bendahara
- D Sultan

8. Apakah tanggungjawab sultan dalam menjaga kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka?

- I Menjaga keselamatan para pedagang
- II Mengutip cukai di pelabuhan
- III Menjadi ketua agama Islam dalam kerajaan
- IV Mengetuai angkatan tentera Melaka

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Siapakah yang menggantikan sultan sepanjang ketiadaan baginda dalam negara?

- A Bendahara
- B Laksamana
- C Temenggung
- D Penghulu Bendahari

10. Apakah tugas utama seorang laksamana ketika sultan mengadakan lawatan ke kerajaan lain?

- A Menjadi jurucakap sultan
- B Menjadi utusan rasmi sultan
- C Menjadi pengawal peribadi sultan
- D Menjadi jurupandu kepada sultan